

**B**IASANYA kita mendengar nasihat, seseorang pelajar perlu menghormati guru atau pensyarah supaya ilmu yang diturunkan itu diberkati. Namun, agak jarang kita mendengar bagaimana pula cara terbaik untuk seorang tenaga pengajar perlu menjalin hubungan dengan pelajarannya untuk memudahkan lagi pembelajaran di kelas.

Adakah guru atau pensyarah hanya sekadar masuk kelas, kemudian mengajar dan terus pulang? Memikul tanggungjawab murni itu, ternyata menuntut lebih daripada sekadar mengajar. Apatah lagi, hakikatnya, pendekatan untuk seorang guru dengan anak murid dan pendekatan untuk seorang pensyarah dengan mahasiswa juga sedikit berbeza.

Ruangan *Intim* minggu ini mengupas bagaimana cara terbaik untuk seorang mendekati mahasiswa untuk membolehkan ilmu yang diturunkan dapat dicerap sebaik mungkin oleh pelajar.

Menurut Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Umum dan Bahasa, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Dr. Mohd Ridhuan Tee Abdullah, suasana di kampus tidak sama dengan zaman persekolahan, maka syarat pertama perhubungan seorang pensyarah dengan pelajarannya adalah mereka tidak perlu dilayan seperti kanak-kanak.

Ujarnya, pada usia yang sudah meningkat dewasa kebanyakan mahasiswa sudah boleh berfikir sendiri, maka lantaran itu pensyarah seharusnya menjadikan pelajar sebagai rakan dalam membina hubungan yang lebih akrab.

"Membina hubungan sebagai rakan sebaya bukan sahaja membolehkan pelajar menerima ilmu disampaikan dengan lebih mudah dan berkesan, malah pergaulan menjadi akrab dan membolehkan pelajar berterus-terang apabila menghadapi masalah.

"Biasanya, pelajar tidak mahu berkongsi masalah pembelajaran atau diri apabila wujud tembok terlalu besar antara pensyarah dengan pelajar. Namun, dalam membina hubungan sebagai rakan itu, mahasiswa perlu tahu batas-batas gurauan atau lebih tepat lagi perlu menghormati tenaga pengajarnya," ujar Ridhuan yang juga penceramah dan pakar motivasi terkenal tanah air.

Tegas Ridhuan yang kerap menjadi pengacara program-program di televisyen, pensyarah juga perlu bijak dalam menjatuhkan hukuman untuk pelajar yang gagal mengikut peraturan

# Didik pelajar berwawasan

Apakah pendekatan terbaik seorang pensyarah dalam usaha menjalin hubungan lebih akrab dengan pelajarannya bagi memastikan ilmu yang diajar lebih mudah disampaikan?

atau tidak menyiapkan tugas.

Jelasnya, elakkan mendenda atau mengenakan hukuman yang berbentuk fizikal kerana hukuman itu sudah tidak sesuai lagi dengan peringkat usia mereka.

"Tindakan menghukum pelajar dengan memukul atau memarahi mereka di depan orang ramai hanya akan menyebabkan pelajar menjadi tertekan dan bertindak melakukan sesuatu di luar kawalan sehingga menjejaskan pelajaran.

"Sebagai pensyarah, kita perlu menjadi mentor kepada pelajar sendiri. Ini bertujuan untuk meningkatkan pembangunan akademik dan akhlak pelajar itu," ujarnya ketika dihubungi *Kosmo!*

## Jiwa pendidik

Selain itu, tambah Ridhuan, seseorang pensyarah juga seharusnya melihat pekerjaan mereka bukan berlandaskan gaji atau wang semata-mata.

Sebagai pensyarah, individu itu harus mempunyai jiwa pendidik yang tinggi dalam diri apabila berdepan dengan pelajar.

Tugas sebagai seorang pensyarah bukan hanya menyampaikan ilmu, tetapi dia harus mendidik pelajar menjadi manusia yang berguna di dunia juga di akhirat kelak.

Kata Ridhuan yang aktif dalam pelbagai pertubuhan bukan kerajaan (NGO) itu, pensyarah perlu memiliki ilmu dunia dan akhirat perlu seimbang.

Sebab itulah pensyarah sepatutnya berfungsi sebagai pembimbing anak bangsa

info

Pensyarah ideal

- Pensyarah digalakkan menghafal nama pelajarannya untuk membentuk ikatan. Ia penting sebagai permulaan perhubungan.
- Di dalam kelas, libatkan seramai mungkin pelajar dalam sesi kuliah. Kecenderungan pensyarah hanya menfokus kepada pelajar tertentu akan menyebabkan pelajar lain hilang minat belajar.
- Tidak ada salahnya, pensyarah melibatkan diri dengan aktiviti-aktiviti bersama pelajar. Aktiviti rekreasi seperti bermain boling atau barbeku tidaklah terlalu sukar untuk dianjurkan.
- Mengadakan sesi pengajaran secara berkumpulan yang lebih kecil dapat memudahkan lagi keakraban pensyarah dan pelajar.
- Sebaik-baiknya, seseorang pensyarah perlu memberi penerangan tentang hala tuju dan pengisian perhubungannya dengan pelajar pada sesi pertama kuliah lagi. Pada masa yang sama, jangan lupa untuk menegaskan bahawa sikap saling hormat-menghormati perlu terus dijaga.

yang bakal meneruskan warisan ilmu itu ke masa hadapan.

"Sebagai pensyarah, mereka harus membuka minda anak-anak didik itu supaya menjadi individu yang berpandangan jauh dan keluar daripada kotak fikiran zaman sekolah mereka.

"Pensyarah juga perlu sekurang-kurangnya mengetahui sedikit latar belakang akademik dan keluarga seseorang penuntut supaya dapat mencari kaedah untuk mengambil hati dan mencuri perhatiannya di dalam kuliah.

"Cukup sekadar maklumat asas. Tidak perlu terlalu mengambil berat hingga terlibat dalam perkara-perkara yang tidak perlu diambil tahu," ujarnya.

**PENSYARAH** perlu melibatkan seramai mungkin penyertaan pelajar dalam sesi kuliah. - Gambar hiasan

